

FATWA 2003

- 1. FATWA TENTANG TARIKAT AL-HASANIAH**
- 2. FATWA TENTANG HUKUM PENGKLONAN PEMBIAKAN MANUSIA DAN PERUBATAN DARI SUDUT SYARA'.**
- 3. FATWA TENTANG HUKUM ZAKAT KE ATAS FIRMA-FIRMA DAN SYARIKAT KONSULTAN.**
- 4. FATWA TENTANG HUKUM ZAKAT KE ATAS SYARIKAT YANG DIMILIKI OLEH PELBAGAI JENIS PEMEGANG SAHAM YANG BERCAMPUR MUSLIM DAN NON MUSLIM.**

1. FATWA TENTANG TARIKAT AL-HASANIAH



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 56

28hb Ogos 2003

TAMBAHAN No.11

No. 18

PERUNDANGAN

Sel. P.U. 29.

ENAKMEN PENTADBIRAN PERUNDANGAN ISLAM 1989

FATWA TENTANG TARIKAT AL-HASANIAH

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 31(1) dan seksyen 32 Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989 [*En. 2/1989*], Mufti bagi Negeri Selangor, selepas berbincang dengan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara', membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

ADMINISTRATION OF ISLAMIC LAW ENACTMENT 1989

FATWA ON TARIKAT AL-HASANIAH

In exercise of the powers conferred by subsection 31(1) and section 32 of the Administration of Islamic Law Enactment 1989 [*En. 2/1989*], the Mufti for the State of Selangor, after discussions with the Islamic Legal Consultative Committee, makes the *fatwa* as specified in the Schedule.

JADUAL/SCHEDULE

- (1) Tarikat Al-Hasaniah adalah diharamkan kerana menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar. Ini adalah kerana ajaran tersebut didapati mempunyai sifat-sifat seperti berikut:

1. Guru mempunyai cahaya yang kuat dari Rasulullah. Cahaya itu akan diberikan kepada murid-murid kanan. Dengan cahaya itu segala hijab akan terbuka dan boleh menembusi alam ghaib seperti Alam Barzakh, Alam Roh

dan Alam Jin. (Di dalam tape rakaman yang bertajuk “Pengembaraan ke Sabah”, Bahagian 1 ada dipaparkan perbualan di antara Haji Abdul Rahim @ Rajin bin Mandul Hati dengan Allahyarham abang kepada Abdul Halim).

2. Ahli-ahli kanan tarikat ini telah mendakwa bahawa mereka pernah dibawa oleh guru mereka untuk melawat Syurga, Neraka dan Alam Mahsyar.
3. Mereka juga mendakwa boleh membuat tempahan untuk memasuki Syurga yang teratas dan mampu menempah istana di dalam syurga dan akan dijodohkan semula bersama isteri masing-masing ketika di syurga oleh guru mereka.
4. Haji Abdul Rahim @ Rajin bin Mandul Hati juga telah mendakwa beliau dan gurunya boleh menyelamatkan mana-mana keluarga dari kalangan ahli tarikatnya agar tidak akan diseksa dengan seksaan kubur jika dimaklumkan kepada guru.
5. Haji Abdul Rahim @ Rajin bin Mandul Hati juga pernah mengumumkan bahawa tarikat yang dibawa olehnya merupakan tarikat yang menegakkan kebenaran sepertimana yang berlaku pada kurun ke-15.
6. Dalam tape rakaman yang bertajuk “Pengembaraan ke Sabah”, Bahagian 1 ada memaparkan kisah di mana ketika Haji Abdul Rahim @ Rajin bin Mandul Hati sedang mengambil wuduk, beberapa orang pengikutnya sanggup membasuh muka dan meminum sisa air wuduk gurunya ketika mereka berada di dalam Gua Masai, Sabah.
7. Guru telah mensyaratkan agar murid-muridnya menyebut nama guru berulang-ulang dan hendaklah membayangkan wajah guru ketika berdoa.
8. Barangsiapa mengasingkan diri (bersuluk) dan tidak berkata-kata selama 40 hari melainkan hanya mengingati Allah S.W.T. akan dianugerahkan Nur Cahaya dalam hatinya.
9. Ajaran tarikat ini juga memerintahkan agar pengikutnya melakukan iktikaf di masjid selama 40 hari dengan syarat tidak boleh berkata-kata dan hendaklah memalingkan muka apabila melihat orang lain dan ketika iktikaf maka tidak boleh lagi keluar dari kawasan iktikaf walau apa pun terjadi seperti keluarga sakit mahupun mati.
10. Dalam tape rakaman yang bertajuk “Mengenal Diri” oleh Haji Abdul Rahim @ Rajin bin Mandul Hati, pernah menyebutkan kepada pengikutnya dengan mengatakan bahawa “Kalau tak kenal guru, tak masuk Syurga semasa di Padang Mahsyar kelak. Oleh itu, semua orang

seharusnya mengamali dan mengikut ajaran ini sekiranya seseorang itu inginkan keselamatan dunia dan akhirat termasuk para alim Ulama' yang ada pada hari ini.”

11. Guru menegaskan bahawa asal kejadian manusia adalah daripada Nur Muhammad.
12. Haji Abdul Rahim @ Rajin bin Mandul Hati dan pengikutnya percaya bahawa pengasas tarikat mereka yang bernama Ghulam Hasan Al-Bikangi telah diberikan sebuah kitab Al-Quran oleh Rasulullah sendiri pada tahun 1960 dalam keadaan sedar. Ia berlaku ketika Haji Ghulam Hasan Al-Bikangi pergi menunaikan haji ke Mekah dan peristiwa ini berlaku ketika pengasas tarikat ini dijemput oleh Rasulullah masuk ke makam Baginda di Madinah. Lalu Baginda memberikan seutas tasbih, sebuah kitab Al-Quran dan wirid amalan tarikat tersebut. Sehingga kini hanya Al-Quran dan wirid amalan sahaja yang dapat diwariskan kepada Haji Abdul Rahim @ Rajin bin Mandul Hati sedangkan tasbih tersebut telah hilang kerana dilarikan oleh seekor kucing hitam semasa kematian pengasas Tarikat Haji Ghulam Hasan Al-Bikangi meninggal dunia.
13. Dalam tape rakaman yang bertajuk “Pengembaraan ke Sabah”, Bahagian 1 ada memaparkan kisah Haji Abdul Rahim @ Rajin bin Mandul Hati diminta oleh salah seorang pengikutnya yang bernama Abdul Halim yang ingin berdialog dengan abangnya yang telah meninggal dunia. Ketika itu, Abdul Halim dilihat telah meninggal dunia. Ketika itu, Abdul Halim dilihat telah memberikan nama abangnya dan lokasi pengkebumiannya kepada gurunya sambil dibantu oleh Haji Ibnu. Lalu Haji Abdul Rahim @ Rajin bin Mandul Hati berkata bahawa keadaan roh abang kepada Abdul Halim dalam keadaan hitam dan tidak bercahaya kerana tidak ada Nur. Maka, Haji Abdul Rahim @ Rajin bin Mandul Hati terus memberikan Nur Cahaya kepada roh tersebut. Setelah itu, kelihatan Abdul Halim sedang berdialog dengan abangnya melalui perantaraan yang dipikul oleh Haji Ibnu dan Haji Abdul Rahim @ Rajin bin Mandul Hati.
14. Mereka juga memiliki sebuah potret yang menggambarkan wajah Nabi Ibrahim A.S ketika peristiwa Allah memerintahkan Baginda menyembelih Nabi Ismail A.S dan dalam pada itu didapati wajah malaikat Jibrail sedang menurunkan wahyu kepada Baginda.
15. Mereka juga mempunyai sebuah gambar yang dilukis dengan water colour yang menunjukkan lambang rasmi ajarannya yang didakwa oleh gurunya diwariskan oleh pengasas ajaran tarikat. Lukisan tersebut memaparkan sebuah kitab Al-Quran, seutas tasbih, tulisan tarikat, bunga ros merah, putih dan sebuah Gua Madai sebagai Gua Hira' di Malaysia.

16. Mereka juga melakukan perbuatan Bida'ah Dhalalah, di mana ajaran mereka mensyariatkan boleh melakukan laungan azan seramai 4 orang di atas kubur.
17. Mereka juga, mempercayai kubur-kubur yang mempunyai keramat, contohnya sebuah kubur yang dikatakan kubur Haji Ghulam Hasan Al-Bikangi yang mempunyai keramat yang bertaraf wali.

Oleh yang demikian, umat Islam dilarang mengamalkan tarikat ini.

- (2) Orang yang telah mengambil ijazah atau mengamalkan Tarikat Al-Hasaniah hendaklah segera bertaubat dan memohon keampunan kepada ALLAH Subhanahu Wata'ala.

Dibuat 19 Februari 2002

Made 19 February 2002

[Mufti Sel. 500-2; P.U. Sel. AGM/0007 Jld. 2]

DATO' HAJI MOHD TAMYES BIN ABD. WAHID,
*Dato' Seri Utama Diraja Mutit,
Negeri Selangor*

2. FATWA TENTANG HUKUM PENGKLONAN PEMBIAKAN MANUSIA DAN PERUBATAN DARI SUDUT SYARA'



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 56
No. 18

28hb Ogos 2003

*TAMBAHAN No.11
PERUNDANGAN*

Sel. P.U. 30.

ENAKMEN PENTADBIRAN PERUNDANGAN ISLAM 1989

FATWA TENTANG HUKUM PENGKLONAN PEMBIAKAN
MANUSIA DAN PERUBATAN DARI SUDUT SYARA'

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 31(1) dan seksyen 32 Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989 [*En. 2/1989*], Mufti bagi Negeri Selangor, selepas berbincang dengan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara', membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

ADMINISTRATION OF ISLAMIC LAW ENACTMENT 1989

*FATWA ON HUKUM PENGKLONAN PEMBIAKAN MANUSIA DAN
PERUBATAN DARI SUDUT SYARA'*

In exercise of the powers conferred by subsection 31(1) and section 32 of the Administration of Islamic Law Enactment 1989 [*En. 2/1989*], the Mufti for the State of Selangor, after discussions with the Islamic Legal Consultative Committee, makes the *fatwa* as specified in the Schedule.

JADUAL/SCHEDULE

- (1) Menurut Hussain Fadhullah dalam bukunya *al-Istinsakh; Jadal al-Ilmi wa al-Akhlaq*, menyatakan pengklonan adalah pembentukan makhluk bernyawa sama seperti kejadian asal dan dari segi bentuknya ia seperti kembar.

- (2) (i) Pengklonan janin atau embrio (embryo cloning); dan
(ii) Pengklonan dengan menggunakan teknik pemindahan nucleus (nuclear transfer technology).
- (3) Hukum pengklonan pembiakan manusia dan perubatan adalah haram. Ini berdasarkan hujjah seperti berikut:

Sudut Aqidah

- (i) Pengklonan akan menyebabkan wujudnya pertentangan terhadap tujuan Allah S.W.T menjadikan manusia serta meningkatkan darjat mereka kepada sebaik-baik kejadian. Ini dijelaskan oleh Allah melalui firmanNya;

وَهُوَ الَّذِي خَلَقَ مِنَ الْمَاءِ بَشَرًا فَجَعَلَهُ نَسَبًا وَصِهْرًا وَكَانَ رَبُّكَ قَدِيرًا

Bermaksud:

“Dan Dialah yang menciptakan manusia daripada air, lalu dijadikanNya (mempunyai) titisan baka dan pertalian keluarga (persemendaan); dan sememangnya Tuhanmu berkuasa (menciptakan apa jua yang dikehendaki-Nya).”

(Al-Furqan: 54)

- (ii) Perbuatan pengklonan lebih dilihat kepada usaha manusia untuk bertindak di luar daripada peraturan yang telah ditentukan Allah S.W.T iaitu kelahiran manusia atau keturunannya melalui perkahwinan. Ia juga sebagai satu usaha manusia untuk keluar daripada peraturan hidup yang dicipta oleh Allah S.W.T.
Firman Allah S.W.T:

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ

Bermaksud:

“Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya).”

(At-Tin: 4)

- (iii) Perbuatan pengklonan akan menyebabkan manusia merasai dirinya mempunyai kuasa dan mampu untuk mencipta serta menentukan kejadian manusia lain menurut kehendak dirinya. Kepercayaan seperti ini bertentangan dengan akidah Islam yang menyakini bahawa hanya Allah S.W.T sahaja yang mengetahui perkara yang zahir dan tersembunyi. Malahan hanya Allah S.W.T sahajalah yang mempunyai kekuasaan dan kehendak dalam menentukan apakah nasib yang akan menimpa diri seseorang manusia dari alam rahim sehinggalah hari kematiannya.

Sudut Syariat

- (iv) Manusia tidak harus dijadikan bahan percubaan sepertimana yang dilakukan kepada tumbuh-tumbuhan, binatang dan batu-batan. Ini kerana Allah S.W.T telah memuliakan serta mengangkat darjat manusia melebihi

mahlukNya yang lain. Allah S.W.T telah melantik manusia sebagai khalifahNya di muka bumi dan manusia telah dijadikan lebih mulia daripada segala mahluk yang lain. Kejadian manusia bermula daripada tanah kemudian ditiupkan roh sehinggalah sempurna kejadiannya. Mereka kemudian dipertanggungjawabkan dengan tugas-tugas agama. Justeru, pengklonan manusia sebagaimana yang dilakukan ke atas binatang akan menjadikan manusia sama seperti binatang sedangkan Allah S.W.T menjadikan manusia dengan sempurna dan manusia diberi tanggungjawab untuk mentadbir dunia ini dengan sebaiknya.

- (v) Pengklonan manusia akan mengganggu sistem keturunan dan kesucian sistem kekeluargaan. Anak yang dilahirkan daripada kasih sayang ibu dan bapa akan terjaga urusan hidup dan tempat pergantungannya, Sebaliknya anak yang dilahirkan dari pengklonan boleh meruntuhkan sistem kekeluargaan.
- (vi) Pengklonan juga membuatkan seseorang wanita tidak memerlukan lelaki dan seorang isteri tidak memerlukan suami, kerana wujudnya perasaan dia boleh melahirkan anak tanpa perlu kepada perkahwinan dan pembentukan keluarga. Jika ini berlaku keluarga yang akan terbentuk pasti berbeza daripada keluarga yang telah wujud selama ini. Dengan itu akan lahir satu keadaan hidup masyarakat yang luar daripada fitrah manusia dan alam.
- (vii) Bagi wanita yang tidak berkahwin, kebenaran penggunaan kaedah ini untuk membolehkan mereka mendapatkan anak juga tidak boleh dibenarkan. Ia akan menambahkan masalah ibu tunggal dan menidakkan hak seseorang anak untuk mendapat kasih sayang seorang ayah. Dan yang paling ditakuti, kaum lelaki tidak lagi diperlukan kerana pembiakan tidak lagi kepada sperma. Perhubungan seksual akan dijadikan bahan permainan hanya untuk memenuhi nafsu manusia.
- (viii) Anak yang diklon bukanlah dilahirkan dari perkahwinan yang sah. Ia tidak mempunyai bapa yang sepatutnya bertanggungjawab memberi nafkah kepada anak tersebut.
- (ix) Dari segi perwalian nikah. Keadaan ini akan menjadi rumit ketika anak tersebut akan berkahwin. Siapakah yang sepatutnya menjadi wali nikahnya jika anak tersebut perempuan. Bagaimana pula hubungannya dengan kaum kerabat yang lain seperti adik beradik, ipar dan sebagainya. Apakah batas pergaulan yang sepatutnya antara anak klon dengan bukan mahramnya.
- (x) Dari segi nasab anak klon juga akan menghadapi masalah yang sama Anak klon tidak dapat diangkat menjadikan anak sendiri.

- (xi) Dari segi pusaka, kerana anak pengklonan tidak ada hubungan darah dan kerabat yang sebenarnya maka dia tidak berhak mendapat pusaka atau menjadi sebab untuk dia memperolehi warisan. Tidak ada ukuran syarak yang boleh dibuat kepada anak klon bagi membolehkannya memperolehi harta pusaka.

Dibuat 24 Julai 2002

Made 24 July 2002

[Mufti Sel. 500-2; PU. Sel. AGM/0007 Jld. 2]

DATO' HAJI MOHD TAMYES BIN ABD. WAHID,
Dato' Seri Utama Diraja Mufti,
Negeri Selangor

3. FATWA TENTANG HUKUM ZAKAT KE ATAS FIRMA-FIRMA DAN SYARIKAT KONSULTAN



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 56
No. 18

28hb Ogos 2003

*TAMBAHAN No.11
PERUNDANGAN*

Sel. P.U. 31.

ENAKMEN PENTADBIRAN PERUNDANGAN ISLAM 1989

FATWA TENTANG HUKUM ZAKAT KE ATAS FIRMA-FIRMA DAN
SYARIKAT KONSULTAN

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 31(1) dan seksyen 32 Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989 [*En. 2/1989*], Mufti bagi Negeri Selangor, selepas berbincang dengan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara', membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

ADMINISTRATION OF ISLAMIC LAW ENACTMENT 1989

*FATWA ON HUKUM ZAKAT KE ATAS FIRMA-FIRMA DAN
SYARIKAT KONSULTAN*

In exercise of the powers conferred by subsection 31(1) and section 32 of the Administration of Islamic Law Enactment 1989 [*En. 2/1989*], the Mufti for the State of Selangor, after discussions with the Islamic Legal Consultative Committee, makes the *fatwa* as specified in the Schedule.

JADUAL/SCHEDULE

- (1) Mengikut Kamus Dewan edisi baru Dewan Bahasa & Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia Kuala Lumpur 1991, hal. 651 Konsultan bermaksud pakar runding, iaitu khidmat pakar runding bagi sesuatu projek yang akan dilaksanakan oleh sesuatu pihak.

(2) Wajib zakat bagi firma-firma dan syarikat konsultan yang memiliki syarat-syarat wajib zakat.

(3) Ini adalah berdasarkan hujjah seperti berikut:

3.1 Para ulama' dari kalangan Sahabat, Tabiin dan Fuqaha' telah bersepakat mengatakan bahawa pemilik-pemilik syarikat perniagaan dan perkhidmatan adalah wajib mengeluarkan zakat apabila mencukupi syarat-syaratnya. Pendapat tersebut berdasarkan ayat al-Quran Surah Al-Baqarah ayat 267 iaitu:

(a) Firman Allah S.W.T

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman hendaklah kamu membelanjakan harta kamu yang baik-baik iaitu hasil daripada yang kamu usahakan dari harta-harta yang kami keluar untuk kamu dari bumi.”

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَنْفِقُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ

(Al-Baqarah: 267)

كَسَبْتُمْ

Para ulama' mentafsirkan perkataan

Dengan erti “berbagai usaha halal yang dilakukan oleh manusia” sama ada usaha perniagaan, perindustrian, pertanian dan sebagainya. Tidak kira usaha itu dilakukan secara perseorangan atau syarikat.

(b) Dalam satu hadis Rasulullah S.A.W telah bersabda:

وَلَا يَجْمَعُ بَيْنَ مَفْرُقٍ وَلَا يَفْرُقُ بَيْنَ مُجْمِعٍ خَشْيَةَ الصَّدَقَةِ

Maksudnya:

“Tidak dihimpunkan antara yang berpisah dan tidak dipisahkan antara yang berhimpun kerana takut mengeluarkan zakat.”

(Riwayat Ibnu Majah)

Di sini dapat disimpulkan bahawa beberapa individu yang berada dalam satu syarikat atau perkumpulan maka dianggap satu, tanpa dipisah-pisahkan antara satu sama lain.

(c) Di dalam hadis lain dinyatakan bahawa Rasulullah S.A.W bersabda:

عَنْ سَعْرَةَ قَالَ: إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
كَانَ يَأْمُرُنَا أَنْ نُخْرِجَ الصَّدَقَةَ مِنَ الَّذِي يُعَدُّ لِلْبَيْعِ
(رواه ابوداود)

3.2 Apabila sebuah syarikat atau firma ditubuhkan dengan akad dan niat untuk menjalankan perniagaan, maka syarikat tersebut dikenakan zakat syarikat. Ini tertakluk kepada syarat-syarat zakat perniagaan yang dikenakan kepada orang perseorangan iaitu dengan kadar 2.5%.

Dibuat 24 Julai 2002

Made 24 July 2002

[Mufti Sel. 500-2; PU. Sel. AGM/0007 Jld. 2]

DATO' HAJI MOHD TAMYES BIN ABD. WAHID
*Dato' Seri Utama Diraja Mufti,
Negeri Selangor*

4. FATWA TENTANG HUKUM ZAKAT KE ATAS SYARIKAT YANG DIMILIKI OLEH PELBAGAI JENIS PEMEGANG SAHAM YANG BERCAMPUR MUSLIM DAN NON MUSLIM



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 56
No. 18

28hb Ogos 2003

*TAMBAHAN No.11
PERUNDANGAN*

Sel. P.U. 32.

ENAKMEN PENTADBIRAN PERUNDANGAN ISLAM 1989

FATWA TENTANG HUKUM ZAKAT KE ATAS SYARIKAT YANG DIMILIKI OLEH PELBAGAI JENIS PEMEGANG SAHAM YANG BERCAMPUR MUSLIM DAN NON MUSLIM

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 31(1) dan seksyen 32 Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989 [*En. 2/1989*], Mufti bagi Negeri Selangor, selepas berbincang dengan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara', membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

ADMINISTRATION OF ISLAMIC LAW ENACTMENT 1989

FATWA ON HUKUM ZAKAT KE ATAS SYARIKAT YANG DIMILIKI OLEH PELBAGAI JENIS PEMEGANG SAHAM YANG BERCAMPUR MUSLIM DAN NON MUSLIM

In exercise of the powers conferred by subsection 31(1) and section 32 of the Administration of Islamic Law Enactment 1989 [*En. 2/1989*], the Mufti for the State of Selangor, after discussions with the Islamic Legal Consultative Committee, makes the *fatwa* as specified in the Schedule.

JADUAL/SCHEDULE

- (1) Diwajibkan zakat bahagian muslim sahaja bagi syarikat yang bercampur antara pemegang saham muslim dan non muslim.

- (2) Ini adalah berdasarkan hujjah seperti berikut: Para ulama' dari kalangan Sahabat, Tabiin dan Fuqaha' telah bersepakat bahawa pemilik syarikat-syarikat perniagaan adalah wajib mengeluarkan zakat apabila mencukupi syarat-syaratnya. Pendapat tersebut berdasarkan ayat al-Quran surah Al-Baqarah ayat 267 iaitu;

(a) Firman Allah S.W.T

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْفِقُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا
لَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman hendaklah kamu membelanjakan harta kamu yang baik-baik iaitu hasil daripada apa yang kamu telah usahakan dan dari harta-harta yang Kami keluarkan untuk kamu dari bumi.....”

(Al-Baqarah: ayat 267)

(b) Sabda Rasulullah S.A.W:

وَلَا يَجْمَعُ بَيْنَ مَفْرُوقٍ وَلَا يَفْرُقُ بَيْنَ مَجْمُوعٍ خَشْيَةَ الصَّدَقَةِ
(رواه ابن ماجه)

Maksudnya:

“Tidak dihimpun di antara yang berpisah dan tidak dipisahkan di antara yang berhimpun kerana takut mengeluarkan zakat”

(Riwayat Ibnu Majah)

(c) Sabda Rasulullah S.A.W lagi,

عَنْ سَمْرَةَ قَالَتْ: إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
كَانَ يَأْمُرُنَا أَنْ نُخْرِجَ الصَّدَقَةَ مِنَ الَّذِي يُعَدُّ لِلْبَيْعِ
(رواه ابو داود)

Maksudnya:

“Daripada Samrah katanya: “Adalah Rasulullah S.A.W menyuruh kami mengeluarkan zakat daripada barang-barang yang disediakan untuk jual beli.”

(Riwayat Abu Daud)

- (d) Ijma' sahabat iaitu yang diriwayatkan oleh Abu Ubai dengan sanad daripada Abd. Al-Qari katanya, “ketika aku menjaga Baitulmal di zaman Umar Al-Khattab apabila beliau hendak harta-harta perniagaan tersebut kemudian diambil zakat daripada harta-harta tersebut”.

- (e) Para ulama' Islam bersepakat mengatakan bahawa zakat hanya wajib ke atas individu Muslim yang baligh, berakal dan merdeka yang cukup haul dan nisab. Ini bererti zakat tidak wajib ke atas orang bukan Islam berdasarkan hadis riwayat Ibn Abbas, sabda Nabi S.A.W:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمَّا بَعَثَ مُعَاذًا إِلَى الْيَمَنِ قَالَ لَهُ: إِنَّكَ تَأْتِي قَوْمًا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ فَلْيَكُنْ أَوَّلُ مَا تَدْعُوهُمْ إِلَيْهِ، شَهَادَةً أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوكَ فَأَعْلِمُهُمْ أَنَّ اللَّهَ قَدْ فَرَضَ عَلَيْهِ خُمْسَ صَلَوَاتٍ فِي كُلِّ يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوكَ لِذَلِكَ فَأَخْبِرُهُمْ أَنَّ اللَّهَ قَدْ فَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً تُؤْخَذُ مِنْ أَعْيَانِهِمْ فَتَرَدُّ عَلَى فُقَرَائِهِمْ

Maksud:

“Bahawasanya Rasulullah S.A.W ketika mengutuskan Muaz ke Yaman, Baginda bersabda kepadanya, sesungguhnya engkau akan pergi pada satu kaum daripada ahli kitab maka hendaklah perkara pertama yang engkau seru mereka ialah mengucap bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan Muhammad itu pesuruh Allah, dan jika mereka mentaati mu mengenai perkara tersebut maka beritahulah kepada mereka bahawa Allah telah memfardhukan ke atas mereka sembahyang lima waktu sehari semalam, dan jika mereka mentaati mu mengenai perkara tersebut maka khabarkanlah kepada mereka bahawa Allah telah memfardhukan ke atas mereka zakat yang diambil daripada orang-orang kaya kalangan mereka dan diberikan kepada golongan fakir di kalangan mereka.”

Dibuat 24 Julai 2001

Made 24 July 2001

[Mufti Sel. 500-2; PU. Sel. AGM/0007 Jld. 2]

DATO' HAJI MOHD TAMYES BIN ABD. WAHID
Dato' Seri Utama Diraja Mufti,
Negeri Selangor